

# '14 gajah mati termakan toksik'

» *Ada pihak sengaja campur racun dalam makanan*

Oleh **Amin Ridzuan Ishak**  
aminridzuan@mediaprima.com.my

► **Kota Kinabalu**

**K**ematian 14 gajah di Hutan Simpan Gunung Rara, Tawau, antara Disember hingga Januari lalu, berpunca campuran toksik beracun termasuk logam berat seperti arsenik dalam makanan secara sengaja oleh pihak tertentu.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Masidi

Manjun (**gambar**), berka-ta teori itu disokong oleh bedah siasat pakar Univer-siti Putra Malaysia (UPM), Thailand dan Australia yang diberi tanggungja-wab menyiasat kematian 'misteri' gajah Pygmy Borneo terabit.

## Sistem penghadaman rosak

Katanya, pakar patologi UPM dan Thailand mene-kankan, wujud bahan tok-sik mengakibatkan kero-sakan pada sistem peng-hadaman gajah terabit dan ia dilihat pada analisis buah pinggang, limpa ser-ta limfoid.

"Menurut hasil analisis toksikologi Australia pu-la, sampel hati daripada dua gajah terabit dan sampel serbuk putih di-temui berhampiran se-ekor gajah mati menun-jukkan paras logam berat seperti arsenik, kad-



mium, besi serta kromo-ium yang tinggi, ia bia-sanya ditemui di kawasan perlombongan, pekebun-an, pembuangan sam-pah serta sisa toksik.

"Justeru, ia dianggap ti-dak munasabah kerana ti-ada sebarang aktiviti ber-kenaan sama ada di dalam atau berhampiran kawasan persekitaran gajah ter-abit," katanya ketika meng-gulung ucapan dasar kerajaan bagi kementeri-annya pada sidang Dewan Undangan Negeri, (DUN), semalam.